From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Friday, 15 April, 2022 8:23:59 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Buku Terbitan UUM Press Diindeks Dalam Web Of Science (WoS)

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

15 APRIL 2022 / 13 RAMADAN 1443H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Farah Mat Din
Gambar: UUM Press

BUKU TERBITAN UUM PRESS DIINDEKS DALAM WEB OF SCIENCE (WoS)



UUM ONLINE: Tahniah! Tujuh buku terbitan UUM Press berjaya diindeks dalam pangkalan data Web of Science (WoS) mengikut tahun terbitan setelah melalui proses penilaian dan memenuhi syarat yang telah ditetapkan.

Buku kategori Ilmiah Akademik yang telah diindeks ialah *Malaysia and the Muslim World: Harnessing the OIC Market through Trade and Islamic Finance* (Irwan Shah Zainal Abidin) dan *Cultural Values in Malay Speech Acts* (Marlyna Maros dan Azianura Hani Shaari).

Bagi buku kategori Karya Suntingan yang diindeks ialah *Application of Statistical Methods in Various Disciplines* (Editors: Nazrina Aziz dan Zakiyah Zain), *Recent Trends in Applied and Associated Mathematical Sciences* (Editors: Nazrina Aziz, Azizan Shaaban dan Nazihah Ahmad), *Recent Applications in Quantitative Methods and Information Technology* (Editors: Nazrina Aziz, Syariza Abdul-Rahman dan Norhaslinda Zainal

Abidin), *Business Crimes at Stake: Contemporary Legal Issues* (Editors: Asmah Laili Yeon, Haslinda Mohd Anuar dan Mohammad Azam Hussain) dan *Insights into Language Teaching and Learning: Malaysian Perspectives* (Editors: Aizan Yaacob dan Paramjit Kaur).

Sementara itu, Pengarah UUM Press, Prof. Madya Dr. Hamidi Ismail berkata, beliau berharap lebih banyak buku dapat diindeks dalam pangkalan data tersebut.

Menurutnya, UUM Press menyasarkan 17 judul buku untuk diindeks pada tahun ini sejajar dengan sasaran Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang telah ditetapkan oleh universiti.

Beliau turut merakamkan ucapan tahniah kepada semua pengarang yang telah berjaya menghasilkan karya yang bermutu dan berkualiti sehingga diindeks dalam pangkalan data WoS.

WoS merupakan pangkalan data yang mengindeks semua buku ilmiah berkualiti yang diterbitkan oleh penerbit di seluruh dunia. UUM Press juga telah menandatangani Surat Persefahaman (LoU) bersama dengan Clarivate Analytics pada 2021.



Please consider the environment before printing this e-mail

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.